



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

Peti Surat 64, Jalan Sultan, 46904 Petaling Jaya Selangor, Malaysia

Tel: 03-7955 7266, 7955 7050, 79557085

Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

<http://www.mpc.gov.my>

UNTUK SIARAN SEGERA

**STRATEGI TINGKAH LAKU PEMACU PROGRAM JOHOR PRODUKTIF:
INISIATIF DI JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM) NEGERI JOHOR**

29 Januari 2022, Johor Bahru – Strategi tingkah laku berdasarkan pendekatan *Behavioural Insights* (BI) didapati berkesan untuk mencapai objektif dasar dan peraturan yang dilaksanakan oleh kerajaan, termasuklah di dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Sehubungan itu, Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menjayakan program Johor Produktif untuk memberi pendedahan dan juga perkongsian berkenaan inisiatif BI di dalam peningkatan produktiviti.

Pada 28 Disember 2021, Sesi Teh Tarik *Behavioural Insights* bersama Pejabat Imigresen Negeri Johor telah dilaksanakan di kalangan pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Johor. Seramai 71 pegawai JIM Negeri Johor telah hadir ke sesi tersebut.

Strategi BI mengambilkira aspek tingkah laku kumpulan sasaran di dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan. *BI* adalah satu alat dasar dan produktiviti berdasarkan disiplin ilmu yang menggabungkan dapatan daripada bidang sains tingkah laku dan sosial termasuk pembuatan keputusan, psikologi, sains kognitif dan neurosains supaya sesuatu dasar yang digubal lebih berkesan dan mencapai kadar pematuhan yang tinggi.

Pendekatan BI telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia sejak tahun 2020. MPC telah diberi mandat untuk memperkenalkan, melatih dan melaksanakan inisiatif BI di kalangan Kementerian dan Agensi diperingkat Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), BI diterapkan di dalam pelaksanaan dasar kerajaan sebagai pelengkap bagi menambah baik perkhidmatan yang ditawarkan kepada rakyat. Langkah mengintegrasikan BI ke dalam pembangunan dasar akan membolehkan pengawal selia memahami bagaimana dan mengapa manusia bertindak dan membuat keputusan tertentu.

Sebelum ini, strategi BI telah terbukti berkesan di dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh JIM, khususnya perkhidmatan yang melibatkan transaksi pembayaran oleh pengguna di Ibu pejabat Imigresen, Putrajaya dan Ibu Pejabat Negeri.

Di dalam tempoh 6 bulan, intervensi-intervensi tingkah laku yang dilaksanakan oleh JIM telah membuahkan hasil, dengan peningkatan penggunaan transaksi tanpa tunai dari 11 ke 82 peratus. Inisiatif seumpama ini dijangka dapat melancarkan urusan perniagaan dan seterusnya memberi kesan positif kepada ekonomi negara.

Strategi yang telah dilaksanakan adalah ringkas, memudahkan dan menjimatkan kos dan sumber. Kejayaan ini dapat dicapai dengan sokongan padu semua pihak, terutama pengurusan tertinggi JIM.

Untuk Pertanyaan Media:

Huda Atiqah Samsir
013-7261950 / atiqah@mpc.gov.my



Mengenai Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) adalah badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). MPC menggalakkan produktiviti, kualiti dan daya saing kepada industri dan organisasi di Malaysia. Visi MPC adalah menjadi organisasi terkemuka dalam peningkatan produktiviti untuk daya saing global dan inovasi.